



13 MAR, 2021

## Mukmin Pay, KOFAMA bekerjasama

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Mukmin Pay, KOFAMA bekerjasama

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Anak syarikat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), Mukmin Pay Sdn. Bhd. (Mukmin Pay) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian usaha sama dengan Koperasi FAMA Berhad (KOFAMA) untuk melaksanakan pen-digitalan pasar tani dan perusahaan lain.

Kerjasama itu langkah strategik untuk mempermudah dan membuka peluang kepada usahawan-usahawan menggunakan pemasaran mudah alih di bawah kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Memorandum tersebut telah ditandatangani oleh Pengerusi KOFAMA, Mansor Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Mukmin Pay, Mohd. Yusni Ismail. Ia disaksikan oleh Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Timbalan Ketua Peng-



**ABDUL Fattah Abdullah (tengah) melihat dokumen memorandum persefahaman yang ditandatangani antara Mukmin Pay Sdn. Bhd. dengan Koperasi FAMA Berhad di Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/ SHIDDIEQIIN ZON**

rah Operasi FAMA, Mohamad Mustahapa Awang.

Mohd. Yusni berkata, Mukmin Pay telah mewujudkan aplikasi pasaran penghantaran mudah alih iaitu Mukmin Mart

bagi mempelbagaikan perkhidmatan dan perniagaan menerusi penyelesaian digital.

"Fokus utama Mukmin Mart ialah untuk meningkatkan jualan produk terutamanya produk

buatan muslim yang dipasarkan di pasar tani dan Myfarm menerusi pembelian secara dalam talian.

"Dengan sokongan pihak KOFAMA dan ANGKASA, kami dapat membantu kerajaan memutuskan rantaian Covid-19 yang masih menular," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Jelasnya, orang ramai kini boleh membeli barang segar di pasar tani tanpa pergi ke pasar kerana barang-barang akan dihantar oleh pekerja *p-hailing*.

Sementara itu, Kamaruddin menjelaskan, program itu antara inisiatif ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan untuk memban-tu dan membimbing KOFAMA dan semua koperasi usaha-wan pasar tani di seluruh ne-gara.

"Dengan cara ini kita dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh petani-petani untuk menjual produk mereka dengan konsisten."

"Konsep ini boleh dikem-bangkan bersama KOFAMA su-paya kita boleh menyumbang kepada komuniti selain mendapat manfaat daripada dividen peniagaan," katanya.

Bahagian Muamalat selaku ra-kan strategi syarikat Mukmin Pay, turut memberi sokongan penuh dengan menawarkan perkhidmatan pembukaan akaun baharu dan perbankan internet kepada semua usaha-wan FAMA bagi memudahkan pengurusan rekod transaksi yang melibatkan penjualan dan pembelian.

Antara kelebihan Mukmin Mart ialah, pengguna digalakkan membuat pembelian tanpa tunai dengan membayar meng-gunakan *e-wallet* sedia ada yang terdapat di dalam aplikasi Mukmin Mart dengan hanya mengimbas kod QR yang tersedia di pasar tani.

Mukmin Mart juga menawarkan perkhidmatan pesanan awal di mana pengguna boleh mem-buat pesanan di dalam aplikasi sebelum pasar tani dibuka.



13 MAR, 2021

## Mukmin Pay, KOFAMA bekerjasama

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PETALING JAYA: Anak syarikat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), Mukmin Pay Sdn. Bhd. (Mukmin Pay) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian usaha sama dengan Koperasi FAMA Berhad (KOFAMA) untuk melaksanakan pendigitalan pasar tani dan perusahaan lain. Kerjasama itu langkah strategik untuk mempermudah dan membuka peluang kepada usahawan-usahawan menggunakan pemasaran mudah alih di bawah kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Memorandum tersebut telah ditandatangani oleh Pengerusi KOFAMA, Mansor Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Mukmin Pay, Mohd.